- (a) tanaman di atasnya hendaklah memberi nilai ekonomi yang sama atau hampir sama. Kalau satu ditanam dengan kelapa dan koko manakala satu lagi dengan padi sudah pasti tidak mempunyai nilai ekonomi yang sama.
- (b) Kedudukan tanah juga perlu sama atau hampir sama. Jangan satu berdekatan dengan jalan dan yang satu jauh ke dalam.
- (c) Potensi untuk dimajukan, sama.
- (d) Keadaan mukabuminya perlu sama atau hampir sama. Jangan satu pamah dan kering manakala satu lagi berpaya dan mudah ditenggelami air.
- (e) Dan lain-lain yang difikirkan sesuai.

Contoh Kes

- ❑ Walau bagaimana pun dari segi keluasan ianya tidak menimbulkan banyak persoalan kerana dinyatakan dengan jelas bahawa luas tanah ganti itu hendaklah tidak lebih daripada luas tanah yang dibatalkan itu.
- ❑ Satu persoalan mungkin timbul, kalau sekeping tanah Rizab Melayu seluas 8 hektar terhenti menjadi Rizab Melayu, boleh atau tidak dua keping tanah lain masing-masing seluas 5 dan 3 hektar dicari diistiharkan sebagai ganti?
- ❑ Apakah ianya tidak selaras dengan maksud tanah yang serupa keadaan yang diterangkan di atas tadi? Sebenarnya perkara ini tidak timbul asalkan keluasannya tidak lebih daripada 8 hektar.

Enakmen Tanah Rezab Melayu

□ Enakmen Tanah Rezab Melayu memberi kuasa kepada Raja dalam mesyuarat (Ruler in Council), ia boleh diturunkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) untuk memindah sempadan, membatalkan keseluruhan atau sebahagian Tanah Rezab Melayu.

□ Undang-undang Tanah Rezab Melayu mencerminkan (i) sifat individu pihak-pihak berkuasa negeri, (ii) kekurangan saling saham antara pihak yang membuat undang-undang, dan (iii) kekurangan keseragaman di kalangan undang-undang antara negeri-negeri.

Enakmen Tanah Rezab Melayu

Dua objektif Enakmen Rezab Melayu 1913 dipinda pada tahun 1933 untuk:

- Menyekat sebarang perundangan terhadap Tanah Rezab Melayu sebagai barang perniagaan.
- Menyelamat orang Melayu daripada beban hutang melalui urusan tanah.

Pindaan dan Pembatalan Rizab Melayu

(i) Menteri Besar boleh pada bila-bila masa sahaja dengan kelulusan Raja Negeri dalam Mesyuarat dengan pengisytiharan yang disiarkan di dalam Warta:

(a) meminda had-had atau sempadan-sempadan bagi mana-mana Rizab Melayu, atau

(b) membatalkan mana-mana pengisytiharan yang kerananya mana-mana tanah itu telah diisytiharkan sebagai satu Rizab Melayu samada keseluruhannya atau mana-mana bahagian kawasan yang dirujuk di situ atau

(c) memasukkan kedalam mana-mana Rizab Melayu mana-mana tanah yang terkeluar darinya.

Membuat Peringatan (Memorial)

Seksyen ini memberi kuasa kepada Pentadbir Tanah Daerah untuk mengemukakan kepada Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanahyang sepatutnya satu permintaan dalam Borang A pada Jadual Pertama meminta beliau membuat satu peringatan (memorial) untuk diendorskan ke atas dokumen hakmilik daftar bagi tiap-tiap tanah milik yang termasuk ke dalam satu Rizab Melayu yang diisytiharkan samada di bawah Enakmen Rizab Melayu 1913 atau pun Enakmen Rizab Melayu 1933.

Membuat Peringatan (Memorial)

Permintaan itu hendaklah dibuat dalam empat keadaan:

(a) sebaik-baik saja tanah milik itu termasuk ke dalam satu Rizab Melayu yang baru diistiharkan oleh Menteri Besar di bawah Seksyen 3:

(b) dengan pendaftaran mana-mana dokumen hakmilik baru ke atas mana-mana tanah yang telah termasuk ke dalam satu Rizab Melayu yang diisytiharkan di bawah Enakmen ini atau Enakmen Rizab Melayu 1913.

Membuat Peringatan (Memorial)

(c) pada bila-bila masa saja Pentadbir Tanah Daerah menyedari bahawa mana-mana tanah yang termasuk ke dalam satu Rizab Melayu belum lagi ditulis dengan perkataan 'Rizab Melayu' di atas mana-mana bahagian permukaan dokumen hakmiliknya seperti yang di peruntukan oleh seksyen 12, Enakmen Rizab Melayu 1913 atau memorial di bawah seksyen ini belum lagi diendorskan.

(d) Tanah atau syer yang tidak dipecahkan ke atas tanah kepunyaan bukan Melayu yang terdapat di kawasan satu Rizab Melayu dipindahmilikkan kepada orang Melayu.

Pengecualian

❑ Walau bagaimana pun terdapat satu pengecualian di mana peringatan di bawah seksyen ini tidak boleh dibuat iaitu bagi mana-mana tanah milik di mana:

- (a) tuan punya tunggalnya bukannya seorang Melayu, atau
- (b) tidak seorang jua pun daripada tuanpunya-tuanpunya bersamanya (co-proprietors) orang Melayu.

❑ Dengan lain perkataan tanah milik yang dipunyai oleh bukan Melayu, tetapi sekiranya adasaja di antara tuanpunya-tuanpunya bersama itu terdiri daripada seorang atau lebih orang Melayu maka peringatan adalah wajib.

Membuat Memorial di atas Dokumen Hakmilik Keluaran

- ❑ Setelah peringatan diendorskan ke atas dokumen hakmilik daftar, Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanahyang sepatutnya hendaklah menghantar satu notis dalam Borang B di Jadual Pertama meminta tuanpunyanya menyerahkan dokkumen hakmilik keluaran bagi tanah berkenaan untuk diendorskan peringatan yang serupa.
- ❑ Tiada apa jua fee dikenakan bagi penghantaran notis ini dan mana-mana tuan tanah yang tidak mengindahkan kehendak notis litu hendaklah dikenakan denda tidak lebih daripada seratus ringgit.

Kedudukan Tanah Bukan Melayu Dalam Kawasan Rizab Melayu

Berhubung dengan tanah milik yang dipunyai oleh orang-orang bukan Melayu yang dikecualikan itu, urusan-urusan dengan bukan Melayu dibolehkan tetapi apabila tanah itu dipindahmilik kepada orang Melayu maka urusan dengan bukan Melayu sudah tidak dibolehkan lagi kerana tanah itu sudah menjadi pegangan Melayu secara mutlak.

Kedudukan Tanah Bukan Melayu Dalam Kawasan Rizab Melayu

❑ Bagi tanah milik yang terdapat orang Melayu sebagai salah seorang daripada tuan punya-tuan punya bersamanya maka tanah itu juga akan menjadi pegangan Melayu iaitu sesudah memorial diendoskan ke atas dokumen hakmiliknya tetapi kuatkuasa pegangan Melayu itu hanya melibatkan syer yang dipegang oleh orang Melayu itu sahaja.

❑ Syer-syer yang tidak dipecahkan yang didaftarkan atas nama bukan Melayu itu masih boleh diurusniagakan dengan bukan Melayu, sehinggalah orang Melayu membeli syer bukan Melayu itu barulah ianya tidak boleh dijualkan semula kepada bukan Melayu kerana seluruh tanah itu sudah menjadi tanah pegangan Melayu secara mutlak.

Sekatan Urusniaga Tanah Rezab Melayu

- ❑ Tanah Rezab Melayu tidak boleh dipindah milik, digadai atau dipajak kepada orang bukan Melayu [S8(i) ERM FMS 1933; S9 ERM Johor; S6 & S7 ERM Kedah dll].
- ❑ Tetapi S8(i) ERM FMS 1933 membenarkan pindah milik bersilang di antara orang Melayu dan bukan Melayu bagi tanah yang telah dipecah sempadan adalah dibenarkan.
- ❑ S17 FMS 1933 membenarkan gadaian Tanah Rezab Melayu kepada Menteri Besar, Menteri Kewangan, Setiausaha Kerajaan Negeri, Badan Koperat, Bank, Syarikat pinjaman yang dipersetujui.
- ❑ S81 FMS membenarkan pajakan Tanah Rezab Melayu kepada Menteri Besar.

Sekatan Urusniaga Tanah Rezab Melayu

- ❑ Tanah Rezab Melayu boleh menyempurnakan apa-apa surat kuasa wakil (power of attorney) berkaitan dengan tanah dengan orang bukan Melayu (S9 ERM FMS 1933).
- ❑ Adalah dilarang mewujudkan lien walaupun untuk faedah orang Melayu kecuali untuk faedah-faedah orang-orang tertentu seperti Menteri Besar (S10 ERM FMS 1933).
- ❑ Adalah dilarang mewujudkan Kaveat Pemegang Lien, Kaveat Persendirian atau Kaveat Amanah (S11 ERM Johor).
- ❑ Adalah dilarang meletak hak kepada pemegang harta apabila tuan punya tanah bankrupsi (S12 ERM FMS 1933).

Sekatan Urusniaga Tanah Rezab Melayu

- ❑ Adalah dilarang menyempurnakan dekri/perintah mana-mana Mahkamah (S13 ERM FMS 1933).
- ❑ Adalah dilarang meletak hak pegangan kepada mana-mana wasi/pentadbir pusaka bukan Melayu (S15 ERM FMS 1933).
- ❑ Tanah Rezab Melayu dilarang dijual di atas permintaan pemegang gadaian [S16 & S11 ERM Kedah; S10 ERM Kelantan; S11(a)(b) ERM Perlis].
- ❑ Tanah Rezab Melayu boleh dibuat pernyataan khususnya di Terengganu (S10 ERM Terengganu).

Sekatan Berhubung dengan Pindahmilik, Gadaian dan Pajakan

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen kecil (ii) dan seksyen 16 dan 17, tiada apa jua pegangan Melayu boleh dipindahmilik, digadai, dipajak atau dilupuskan dengan cara lain kepada mana-mana orang yang bukannya seorang Melayu dan tiada apa jua memorendum pindahmilik, gadaian atau pajakan yang bertentangan dengan seksyen ini layak untuk pendaftaran di mana-mana Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftaran Hakmilik.

Sekatan Berhubung dengan Pindahmilik, Gadaian dan Pajak

Jika mana-mana tanah yang termasuk kedalam satu Rizab Melayu dipecah bahagi dan hakmilik-hakmilik yang dipecah bahagikan itu didaftarkan, sesudah itu seorang atau lebih tuan punya bagi tanah itu adalah orang-orang Melayu dan seorang atau lebih tuannya bagi tanah itu bukannya orang-orang Melayu dan kesemuanya diserahkan serentak kepada Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah yang sepatutnya pindahmilik-pindahmilik bersilang bagi hakmilik-hakmilik yang di pecahbahagi itu bolehlah didaftarkan oleh Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah.

Sekatan Berhubung dengan Urusan oleh Wakil

Tiap-tiap memorandum pindahmilik, gadaian atau pajakan bagi satu pegangan Melayu yang telah disempurnakan bagi pihak tuannya oleh seorang bukan Melayu yang bermaksud untuk bertindak sebagai wakil kepada tuannya itu adalah tidak sah dan tiada apa jua memorandum pindahmilik, gadaian atau pajakan itu.

Sekatan Berhubung Dengan Kaveat yang Didasarkan kepada Lien yang Hakmiliknya Diserah Simpan

Tiada apa jua lien dengan menyerahsimpan dokumen hakmilik keluaran sebagai jaminan satu hutang bagi mana-mana pegangan Melayu layak untuk diujudkan bagi faedah mana-mana orang, dan tiada apa jua kaveat bagi menyokong lien itu layak untuk pendaftaran di mana-mana Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftar Hakmilik.

Sekatan Berhubung dengan lain-lain Kaveat

Tiada apa jua kaveat selain daripada satu kaveat yang dirujuk di seksyen terdahulu terhadap hakmilik bagi mana-mana pegangan Melayu boleh didaftarkan di mana-mana Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftar Hakmilik dalam mana-mana kes dimana pemasuk kaveat atau dalam mana-mana kes pemasuk kaveat bertindak sebagai ejen, prinsipalnya adalah bukan Melayu, dengan syarat tiada apa-apa yang terkandung di dalam seksyen ini boleh menghalang pendaftaran satu kaveat yang telah diserahkan di bawah peruntukan-peruntukan seksyen 230(f) Kanun Tanah Negara (Akta 828).

Sekatan Berhubung dengan Kebankrapan

Tiada apa jua pegangan Melayu boleh terletak hak kepada Pegawai Pemegang Harta di atas kebankrapan tuan punya darinya. Tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh disifatkan sebagai menyentuh perletakan hak mana-mana pegangan Melayu kepada Pegawai Pemegang Harta apabila petisyen kebankrapan yang menyebabkan tuan punya dihukum bankrap difailkan sebelum bermulanya kuatkuasa Enakmen ini.

Sekatan Berhubung dengan Penahanan dalam Menyempurnakan

Tiada apa jua pegangan Melayu boleh ditahan (attached) di dalam menyempurnakan satu dekri atau perintah mana-mana Mahkamah melainkan guaman atau prosiding yang memungkinan dekri itu dibuat dimulakan sebelumnya kuatkuasa Enakmen ini.

Sekatan Berhubung dengan Amanah

Tiap-tiap amanah atau kenyataan amanah, samada amanah itu dinyatakan, tersirat atau konstruktif, yang bermaksud untuk diujudkan bagi mana-mana pegangan Melayu oleh tuan punyanya untuk kepentingan atau faedah mana-mana orang bukan Melayu hendaklah batal dan tidak sah dan hendaklah tidak upaya untuk dikuatkuasakan oleh mana-mana Mahkamah.

Sekatan Berhubung dengan Pemberian Probate dan Surat Kuasa Mentadbir

Tiada apa jua probate atau pemberian surat warisan yang telah disahkan atau surat-surat kuasa mentadbir boleh berkuasa meletakkan mana-mana pegangan Melayu kepada mana-mana wasi atau pentadbir yang bukannya seorang Melayu.

Jualan oleh Pemegang Bebanan

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan sekyen kecil (ii) jika mana-mana tanah yang termasuk dalam satu Rizab Melayu dibebankan, tanah itu boleh dijual di atas permintaan pemegang bebanan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa pada masa itu.

Jualan oleh Pemegang Bebanan

□ Tiada apa jua tanah itu boleh dijual kepada mana-mana orang yang bukannya seorang Melayu jika pada tarikh pendaftaran bebanan itu tuan punya tunggal atau tiap-tiap tuan punya bersama bagi tanah itu adalah seorang Melayu.

(a) tanah itu pada tarikh dimasukkan ke dalam satu Rizab Melayu yang diisytiharkan dan diwartakan dengan sempurna sebelum bermulanya kuatkuasa Enakmen ini, atau

(b) tanah itu pada tarikh dimasukkan ke dalam satu Rizab Melayu yang diisytiharkan dan diwartakan dengan sempurna selepas bermulanya kuatkuasa Enakmen ini dan kepentingan tuan punya tunggal itu atau tiap-taip tuannya bersama itu mengikut kes yang berkenaan, adalah satu pegangan Melayu.

Jualan oleh Pemegang Bebanan

Di dalam seksyen ini satu 'bebanan' termasuk satu gadaian, satu kaveat bagi menyokong satu lien dengan menyerahsimpankan dokumen hakmilik, satu penahanan di dalam menyempurnakan satu dekri atau lain-lain perintah Mahkamah dan satu penahanan sebelum penghakiman dan seorang 'pemegang bebanan' termasuk seorang pemegang gadaian, pemasuk kaveat yang menyebabkan kaveat itu didaftarkan, seorang pemiutang yang menahan dan seorang plaintif yang telah mendapat satu penahanan sebelum penghakiman.

Tanah-tanah Boleh Digadai atau Dipajakan Kepada Kerajaan dan Digadaikan Kepada Syarikat Kerjasama Tertentu

❑ Walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana peruntukan di dalam Enakmen ini tuan punya tanah bagi mana-mana pegangan Melayu boleh:

- (a) menggadaikan pegangan itu kepada Menteri Besar atau mana-mana Syarikat Kerjasama yang berdaftar dengan Enakmen Syarikat Kerjasama dan diluluskan oleh Menteri Besar samada secara am atau untuk tujuan-tujuan kes tertentu atau kepada mana-mana orang yang ditetapkan dalam Jadual Kedua, dan boleh untuk faedah Menteri Besar atau mana-mana Syarikat Kerjasama itu atau mana-mana orang yang ditetapkan itu mengujudkan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen 134 Kanun Tanah Negara (Akta 828), satu lien dengan menyerahsimpankan dokumen hakmilik keluaran bagi pegangan itu, atau
- (b) memajakan pegangan itu kepada Menteri Besar.

Tanah-tanah Boleh Digadai atau Dipajakan Kepada Kerajaan dan Digadaikan Kepada Syarikat Kerjasama Tertentu

Raja Negeri Dalam Mesyuarat boleh dari masa ke semasa melalui perintah yang disiarkan di dalam Warta menambah kepada, memotong daripada atau meminda Jadual Kedua.

Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pemegang Harta Disifatkan Sebagai Orang-Orang Melayu di dalam Kes-Kes Tertentu

Bilamana sesuatu tanah atau mana-mana syer yang tidak dipecahkan di atas tanah yang termasuk ke dalam satu Rizab Melayu dipindah milikkan kepada Pemegang Amanah Raya selaku pemegang amanah bagi seorang Melayu atau mana-mana penurunan milikan (tranmission) bagi mana-mana pegangan Melayu kepada Pemegang Amanah Raya atau kepada Pegawai Pemegang Harta sebagai wakil kepada seorang Melayu diserahkan untuk pendaftaran kepada mana-mana Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah, pindah milik atau penurunan milik itu bolehlah didaftarkan dan berkaitan dengan tanah atau pegangan Melayu itu Pemegang Amanah Raya atau Pegawai Pemegang Harta, mengikut kes yang berkenaan, hendaklah disifatkan sebagai seorang Melayu.

Urusan-urusan yang Bertentangan dengan Enakmen Tidak Sah

❑ Kesemua urusan atau apa saja pelupusan dan kesemua percubaan untuk mengurus atau melupuskan mana-mana pegangan Melayu yang bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini adalah batal dan tidak sah dan tiada apa jua cukai yang telah dibayar berhubung dengan urusan atau percubaan itu boleh dituntut kembali dari mana-mana Mahkamah.

❑ Tiada apa jua tindakan kerana kemungkiran kontrak boleh diambil berhubung dengan mana-mana urusan atau pelupusan atau percubaan untuk berurusan atau melupuskan mana-mana pegangan Melayu yang bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

Keputusan dalam Kes-kes yang Meragukan oleh Raja Negeri dalam Mesyuarat

Jika apa-apa keraguan timbul samada seseorang itu Melayu di dalam lingkungan pengertian Enakmen ini atau cara perlaksanaannya atau cara mana peruntukan-peruntukan ditafsir atau dilaksanakan secara berkesan atau sebaliknya, di dalam hubungan itu keraguan-keraguan itu hendaklah dirujuk kepada Raja Negeri dalam Mesyuarat melalui Menteri Besar untuk dibuat keputusan, dan tiap-tiap keputusan itu adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan atau dikaji semula oleh mana-mana Mahkamah.

Enakmen Mengatasi Peruntukan Lain-lain Undang-undang

Jika dalam mana-mana kes timbul apa-apa perselisihan di antara peruntukan-peruntukan Enakmen ini dan peruntukan-peruntukan Kanun Tanah, atau Kanun Acara Sivil, atau Enakmen Suratkuasa Wakil, peruntukan-peruntukan Enakmen hendaklah mengatasi segala-galanya.

Kawasan-Kawasan yang Boleh Dijadikan Tanah Rezab Melayu

- a) Tanah kerajaan
- b) Tanah rezab hutan
- c) Tanah rezab awam
- d) Tanah berimilik

Kawasan-Kawasan yang Boleh Dijadikan Tanah Rezab Melayu

Terengganu

Tanah bandar dan pekan sahaja boleh dijadikan sebagai Tanah Rezab Melayu. Tanah desa tidak boleh.

Kawasan-Kawasan yang Boleh Dijadikan Tanah Rezab Melayu

Kedah

Kawasan Sanitary Board/bandar tidak boleh diisytiharkan sebagai Tanah Rezab Melayu.

(Initially established as the Sanitary Board. The Board was renamed Lembaga Bandaran Alor Setar (Alor Setar Town Board) in 1958. On March 1, 1974, the Town Board was upgraded to Majlis Daerah Kerajaan Tempatan (Local Government District Council). On February 1, 1978, it was again upgraded to Majlis Perbandaran Kota Setar (Kota Setar Municipal Council). In conjunction with the declaration of Alor Star as a city in December 2003, the Council was finally renamed Majlis Bandaraya Alor Setar (Alor Setar City Council)).

Keluasan Kawasan Tanah Rezab Melayu

Sejarah

- ❑ Di antara 1914 hingga 1930 British membenarkan kawasan Tanah Rezab Melayu di kawasan yang kurang produktif seperti kampung-kampung traditional Melayu, hutan dan kawasan bukit dan gunung.
- ❑ Sehingga tahun 1923, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu mempunyai 1,167,204 hektar Tanah Rezab Melayu di mana dari jumlah tersebut hanya 538,000 hektar sesuai untuk pertanian, selebihnya adalah hutan.
- ❑ Sekitar tahun 1933, ia meningkat kepada 1,274,927 hektar kerana kemasukan tanah-tanah bebas lombong, walau bagaimanapun, hanya 239,834 hektar sesuai untuk pertanian.

Keluasan Kawasan Tanah Rezab Melayu

- ❑ Keluasan kawasan Tanah Rezab Melayu semasa Merdeka adalah lebih kurang 3 juta hektar, tetapi kini tinggal lebih kurang 1.7 juta sahaja.
- ❑ Sekitar 1960, seluas 1600 ekar Tanah Rezab Melayu di Batang Kali, Selangor Tergadai.
- ❑ 9000 hektar hilang status kerana diambil melalui Akta Pengambilan Tanah 1960 dan ianya cuma 34% diganti.
- ❑ Sekitar 1970, seluas 3000 ekar Tanah Rezab Melayu di Perak tergadai kepada ceti.

Keluasan Kawasan Tanah Rezab Melayu

❑ Melalui Akta Pengambilan Tanah 1960, lebih kurang 1,000,000 hektar Tanah Rezab Melayu hilang dari tangan orang Melayu untuk projek pembangunan.

Kedah

❑ 80 tuan punya Tanah Rezab Melayu di Pantai Chenang, Langkawi diambil alih untuk membina Pelangi Beach Resort).

❑ 167 lot (1000 hektar) di Kerpan diambil untuk ternakan udang Syarikat Kumpulan Ben Ladin.

Keluasan Kawasan Tanah Rezab Melayu

Negeri Sembilan

600 tuan punya (930 hektar) Tanah Rezab Melayu di Kampung Mambau, Mukim Rasah diambil untuk projek Seremban II.

Johor

❑ 26000 ekar Tanah Rezab Melayu di sekitar Tanjung Langsat dan Tanjung Piai diambil untuk perbandaran Nusajaya oleh Kuok Brothers dan UEM.

❑ Keluasan untuk Wilayah Pembangunan Iskandar, berapa keluasan akan hilang lagi?

Keluasan Kawasan Tanah Rezab Melayu

Melaka

Kampung Pantai Kundur dan Pantai Merah untuk zon penampang tapak Petronas Refinery Plant.

Terengganu

300 ekar Tanah Rezab Melayu di Pulau Redang diambil untuk Berjaya Resort.

Keluasan Kawasan Tanah Rezab Melayu

Table 1 - Malay Reservation Land – 1983 (Hectare)

| State | Area of State | MRL Area |
|-----------------|-------------------|---------------------|
| Perlis | 79500 | 34,120 |
| Kedah | 942500 | 654,160.72 |
| Perak | 2105000 | 168,177.12 |
| Selangor | 795500 | 158,372.79 |
| W.Persekutuan | 243000 | 988.29 |
| Negeri Sembilan | 664300 | 220,741.29 |
| Johor | 1898600 | 221,588.48 |
| Pahang | 3596500 | 268,474.20 |
| Terengganu | 1295500 | 107.69 |
| Kelantan | 1492000 | 1,493,765.06 |
| Malacca* | NA | 4,348.619 |
| | | |
| Total | 13,112,400 | 3,221,079.48 |

**Malay Customary Land (MCL)*

Source: Pengarah Tanah dan Galian Malaysia (as reported in Ridzuan Awang, Undang-undang Tanah Islam, DBP, 1994)

Keluasan Kawasan Tanah Rezab Melayu

Table 2 - Malay Reservation Land – 2002

| State | Area of State (sq. km) | Area of State (Hectare) | MRL Area (Hectare) | % of MRL |
|-----------------|---------------------------|----------------------------|-----------------------|-------------|
| Perlis | 795 | 79500 | 37,516.95 | 47.19 |
| Kedah | 9425 | 942500 | 86,842.62 | 9.21 |
| Perak | 21050 | 2105000 | 880,158.00 | 41.8 |
| Selangor | 7955 | 795500 | 174,837.79 | 21.98 |
| W.Persekutuan | 2430 | 243000 | **838.51 | 3.45 |
| Negeri Sembilan | 6643 | 664300 | 210,988.46 | 31.76 |
| Johor | 18986 | 1898600 | 327,373.46 | 17.24 |
| Pahang | 35964 | 3596500 | 436,133.98 | 12.12 |
| Terengganu | 12955 | 1295500 | *78,163.08 | 6.03 |
| Kelantan | 14920 | 1492000 | 1,492,000 | 100 |
| Malacca | NA | NA | NA | NA |
| Total | 131,124.00 | 13,112,400 | 3,724,852.85 | 28.4 |

*Gazetted land only. MRL less than 10 acres are administered under ERM Terengganu

**Exclusive of Kg. Baru area of 89 hectares administered under MAS (KL) Rules 1950

Source: Kasitah Gaddam (2002) *Pemilikan & Penguasaan Tanah Oleh Orang Melayu, Jurnal Tanah* Vol. 3

Keluasan Kawasan Tanah Rezab Melayu

Table 3 - Malay Reservation Land (1947 – 2008) (Hectare)

| State | Area of State (A) | 1947* (B) | 2008* (C) | Percentage (C/A x 100) |
|-----------------|----------------------|------------------|---------------------|---------------------------|
| Perlis | 79,546.56 | 37,165 | 37,322.60 | 46.92% |
| Kedah | 942,898.78 | 808,162 | 868,821.05 | 92.14% |
| Kuala Lumpur | 24,356.28 | - | 803.43 | 3.30% |
| Negeri Sembilan | 664,615.38 | 237,259 | 240,741.17 | 36.22% |
| Johor | 1,899,271.12 | 49,985 | 195,262.42 | 10.28% |
| Pahang | 3,597,991.90 | 299,393 | 424,743.83 | 11.81% |
| Terengganu | 1,296,064.70 | - | 118.21 | 0.01% |
| Kelantan | 1,493,765.10 | 127,785 | 1,493,130.40 | 99.96% |
| Perak | 2,101,376.50 | 737,126 | 881,366.78 | 41.94% |
| Selangor | 793,554.65 | 125,845 | 126,227.34 | 15.91% |
| Pulau Pinang | 255,509.84 | No MRL | | 0% |
| Melaka | 165,052.63 | | | 0% |
| Total | 13,314,003.44 | 2,422,720 | 4,268,537.23 | 32.0% |

**Proceeding paper by Mohd Yusof Kasim dan Zainal Abdin Hasim, UKM as extracted from the Federal Legislative Council February 1948 – February 1949, page B1*

***Statistic from Pejabat-pejabat Tanah dan Galian Negeri-negeri 2008.*

Total MRL as of 1947 = 2,422,720 hectares

Total MRL as of 2008 = 4,268,537.23 hectares

Additional MRL as of 2008 = 1,845,817.23 hectares

Source: Parliamentary session (Dewan Negara), March 2011.

Keluasan Kawasan Tanah Rezab Melayu

Table 4 - Malay Reservation Land - 2008 (Hectare)

| State | Area Revoked | Area acquired | Area replaced | Area of State |
|-----------------|-------------------|------------------|------------------|---------------------|
| Perlis | 17.06 | 542.69* | 533.82 | 37,322.60 |
| Kedah | 2,986.39 | - | 1,701.58 | 868,821.05 |
| Kuala Lumpur | - | 50.50* | - | 803.43 |
| Negeri Sembilan | 96,499.86 | - | 9,033.16 | 240,741.17 |
| Johor | | | | 195,262.42 |
| Pahang | | 194.25 | 194.25 | 424,743.83 |
| Terengganu | 57.57 | - | 75.43 | 118.21 |
| Kelantan | | 18,318.90* | | 1,493,130.40 |
| Perak | 157.25 | - | 1,365.83 | 881,366.78 |
| Selangor | 5,102.55 | | | 126,227.34 |
| Pulau Pinang | No MRL | | | |
| Melaka | | | | |
| Total | 104,820.68 | 19,106.34 | 12,904.06 | 4,268,537.23 |

Note:

**MRL status retained*

Source: Parliamentary session (Dewan Negara), March 2011

Keluasan Kawasan Tanah Rezab Melayu

Table 5 - Malay Reservation/Customary Land – 2009 (Hectare)

| States | Malay Reservation/Customary Land | Area of State |
|-----------------|---|----------------------|
| Johor | 195,262.42 | 1,898,688.00 |
| Kedah | 868,836.09 | 942,500.00 |
| Kelantan | 1,307,153.40 | 1,510,462.00 |
| Melaka | 187,378.34 | 165,200.00 |
| Negeri Sembilan | 161,982.75 | 665,709.00 |
| Pahang | 438,491.68 | 3,596,500.00 |
| Perak | 763,666.28 | 2,100,500.00 |
| Perlis | 37,348.53 | 79,500.00 |
| Pulau Pinang | 0.00 | 103,104.00 |
| Selangor | 126,227.34 | 793,020.00 |
| Terengganu | 118.21 | 1,295,514.00 |
| WP Kuala Lumpur | 803.43 | 24,270.00 |
| WP Putrajaya | 0.00 | 4,930.00 |
| Total | 4,087,268.47 | 13,179,897.00 |

Source: Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian / Bahagian Tanah Ukur & Pemetaan, 2009 ¹³⁰

Masa Depan Tanah Rezab Melayu

- ❑ Pada tahun 2007, kerajaan Persekutuan mengumumkan pelan pembangunan koridor (Eastern Corridor Economic Region) yang meliputi Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Mersing, (Northern Corridor Economic Region) yang meliputi (Kedah, Perak, Perlis) dan Wilayah Pembangunan Iskandar Johor yang meliputi Flagship A-Johor Bahru, Flagship B-Nusajaya, Flagship C-Tanjung Piai, Flagship D-Pasir Gudang dan Flagship E-Senai.
- ❑ Dianggarkan seluas 66,736km persegi tanah akan terlibat dalam ECER sahaja di mana 40 adalah Tanah Rezab Melayu. Pemilik tanah diberi pilihan sama ada menerima unit amanah atau menjual tanah kepada badan/syarikat-syarikat amanah yang diluluskan untuk pembangunan ECER.

Masalah Tanah Rezab Melayu

- Banyak Tanah Rezab Melayu yang diambil tidak diganti semula.
- Kenapa berlaku sedemikian?
- Adakah Pihak Berkuasa Negeri tidak mematuhi Perlembagaan Persekutuan di mana setiap pengambilan tanah Tanah Rezab Melayu perlu diganti?

Membebaskan Tanah Rezab Melayu

Pada tahun 2004, kerajaan Persekutuan mengumumkan pelan meminda Enakmen Rezab Melayu (bermula ERM FMS 1933) dalam usaha memajukan Tanah Rezab Melayu, ia membenarkan tuan punya tanah Melayu membuat usahasama dengan rakan bukan Melayu untuk membangunkan Tanah Rezab Melayu (contoh: mengadakan projek-projek perniagaan), termasuk memberi pajakan selama 60 tahun kepada bukan Melayu.

Membebaskan Tanah Rezab Melayu

Perkara berbangkit:

❑ Katakan Tanah Rezab Melayu di bawah kategori 'pertanian' kemudian diubah kepada 'bangunan/industri'. Pemilik Tanah Rezab Melayu mungkin dapat sewa sekadarnya, yang tetap mendapat faedah besar adalah pemaju melalui perniagaan di atas tanah tersebut?

❑ Katakan Tanah Rezab Melayu adalah hakmilik kekal. Ia memberi pajakan selama 60 tahun kepada bukan Melayu untuk projek kediaman. Pemaju mendapat keuntungan besar atas hasil jualan lot-lot/rumah-rumah. Apa hal akan berlaku selepas pajakan itu tamat? Adakah tanah balik ke tuan punya asal Tanah Rezab Melayu? Kalua ini berlaku, pihak yang membeli rumah itu macam mana?

Membebaskan Tanah Rezab Melayu

- Pindaan terhadap ERM tidak diketahui orang ramai terutamanya oleh pemilik Tanah Rezab Melayu.
- Adakah dalam pindaan tersebut dijelaskan kaedah-kaedah yang piawai yang perlu diikuti oleh tuan punya Tanah Rezab Melayu (orang Melayu) dan pemaju (bukan Melayu) dalam proses pajakan tersebut?

**RESERVED UNDER
SARAWAK & SABAH**

Reserve (Sarawak)

“reserve” means any area to be used or set aside for a public purpose, including but not limited to, the provision of roads, public parks, open space, drains, sewerage, water, electricity or telecommunication facilities or such other purposes as the Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri may from time to time direct;

Reserve (Sarawak)

“Reserved Land” means land

(a) reserved to the Government under section 38 or under the corresponding section of any Ordinance repealed by this Code*;

(b) comprised within a National Park constituted under the National Parks and Nature Reserves Ordinance, 1998 [**Cap. 27**], or within a Forest Reserve, Protected Forest or Communal Forest constituted under the Forests Ordinance [**Cap. 126 (1958 Ed.)**];

(c) occupied otherwise than under a document of title by the Federal or State Government or by any Department or official in his official capacity of either such Government; or

(d) otherwise lawfully constituted or declared to be reserved land;

Reserve (Sarawak)

Native Communal Reserves

S6.(1) The Minister may by order signified in the *Gazette* declare any area of State land to be a Native Communal Reserve for the use of any community having a native system of personal law and may, by such order or by subsequent order, declare that the customary law of such community in relation to the acquisition, transfer and transmission of rights and privileges in or over land, and in any building or other structure erected therein, shall apply with such modifications as may be specified or provided for in any such order.

refer to land ordinance for (2) (3) (4) (5) (6) & (7)

Reserve (Sarawak)

Government Reserves

S7.(1) In any case where an area of State land is required for a Federal or State public purpose, or may be so required in the future, and it is considered that the area should not be available for alienation, the Director may by notification in the *Gazette* declare such area to be a Government Reserve whether the public purpose for which the land may be used is stated in the notification or not. The Director may also by a similar notification specify a public purpose for which a Government Reserve may be used, whether such notification involves the change of a purpose previously notified or the declaration of the purpose for which land, not previously held for any specified public purpose, may henceforth be held.

(2) In any case where any area of State land has been declared to be a Government Reserve under subsection (1) the Director may by notification in the *Gazette* declare that the area is no longer required as a Government Reserve, and the area shall thereupon cease to be a Government Reserve and shall be available for alienation as in the case of other State land.

Reserve (Sabah)

Government property in land

5. The entire property in and control of State land or land reserved for a public purpose is and shall be vested solely in the Government.

Unlawful occupation not to establish any rights

6. (1) Notwithstanding anything to the contrary contained in this Ordinance or in any written law relating to limitation of suits in force in Sabah, no unlawful occupation of State land or land reserved for a public purpose or residential purpose or occupation under temporary licence for however long a period shall establish any right, title or interest in State land or land reserved for a public purpose or residential purpose or create any right to demand a title to such land from the Government.

Reserve (Sabah)

Minerals reserved to the Government

24. (1) All coal, minerals, precious stones and mineral oils are, and are deemed always to have been, reserved to the Government, together with the right to enter upon any lands and to search for, win, carry away and dispose of such articles in, on or under the same, and to resume such portions of land as may be necessary for examining or working any mines or for the removal of the products thereof, upon payment of compensation to the owner for damage to such lands or buildings thereon.

Reserve (Sabah)

River and seashore reserves, and ridges of hills

S26. (1) Unless otherwise expressly provided in any title, the entire property in and control of the waters of all rivers, creeks, streams and watercourses, and of the seashore below high water mark is and shall be vested solely in the Government.

(2) The Government also has power to reserve such portion of land as may be deemed advisable along the banks of rivers, streams or creeks, or along the seashore above high water mark, or along the ridges of hills. Such reservations shall be shown on all documents of title.

Reserve (Sabah)

Reserves for public or residential purpose

S28. (1) The Yang di-Pertua Negeri may reserve any State lands which in his opinion are required for any public purpose or for a residential reserve. Such reservation shall fully describe the land and the purpose for which it is reserved and shall be conclusive evidence that the land is reserved for a public or residential purpose.

Reserve (Sabah)

Native Reserves

S78. (1) The Yang di-Pertua Negeri may, if he thinks it necessary to protect the present and future interests and well-being of the natives of Sabah or any community thereof, declare any area of State land, the boundaries of which have been surveyed, to be a Native Reserve for any purpose approved by him.

refer to land ordinance for(2) (3) (4) & (5)

Reserve (Sabah)

Restriction on alienation in Reserve

S79. (1) No document of title shall be registered in respect of any land lying within a Native Reserve declared under the provisions of this or any previous Land Ordinance but the Yang di- Pertua Negeri may, if he deems fit either generally or in any particular case, sanction the alienation to natives by entry in the Register of Native Titles or Field Register of any area of land within a Native Reserve declared under section 78 or under any such previous Land Ordinance to be a Native Reserve for the purpose of providing land for future cultivation by natives.

(2) The Yang di-Pertua Negeri may, if he deems fit either generally or in any particular case, sanction the alienation to natives in accordance with any of the provisions of this Ordinance of any area of land lying within any provisional reservation for native use declared under the provisions of any previous Land Ordinance.

Reserve (Sabah)

Information of unlawful occupation

164. It shall be lawful for a Magistrate, upon the information of the Collector or other public servant charging any person or persons with being in unlawful occupation of State land or land reserved for a public purpose, to issue a summons for the appearance before him of the party or parties so informed against, and of any other person or persons whom it may be necessary or proper to examine as a witness or witnesses on the hearing of any such information.

Penalties for unlawful occupation

166. Any person who shall be found after due warning unlawfully occupying any State land, or land reserved for a public or residential purpose, either by residing or by erecting any house, hut or other building thereon, or by clearing, enclosing or cultivating any part thereof or cutting timber or produce thereon, or who shall directly or indirectly abet the commission of such act or trespass by another person, shall be guilty of an offence under this Ordinance and shall be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment not exceeding five years, or to both fine and imprisonment.

Reserve (Sabah)

Penalty for unlawful grazing

167. Any person who shall graze animals on State land or land reserved for a public or residential purpose except under and in accordance with the terms of a permit issued by the Collector shall be guilty of an offence against this Ordinance and shall be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit, or in default of payment thereof, to imprisonment not exceeding six months.

Powers of entry, inspection, seizure and arrest

173. (1) The Director or any officer authorised by the Director or any police officer may, without warrant-

(h) take possession of any building or crop which he has reason to believe has been erected, planted or cultivated unlawfully on State land or land reserved for a public or residential purpose.

THANK YOU